

Keperluan Pembangunan Garis Panduan Pelaksanaan Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Analisis Empirik Berasaskan Pengalaman Pendakwah

The Need for Developing Guidelines for the Implementation of Da'wah to Non-Muslims in Malaysia: An Empirical Analysis Based on the Experiences of Da'wah Practitioners

¹ Noor Alia Shafiqah Mohd Faisal (Universiti Islam Selangor)

² Mariam Abd Majid (Universiti Islam Selangor)

³ Muhammad Yusuf Marlon Abdullah (Universiti Islam Selangor)

Email: ¹ 24mt09004@postgrad.uis.edu.my, ² mariam@uis.edu.my, ³ yusufmarlon@uis.edu.my

ABSTRAK

Dakwah kepada golongan non-Muslim dalam kerangka masyarakat majmuk di Malaysia menuntut pendekatan yang berhikmah, sistematik, dan responsif terhadap realiti semasa. Islam sebagai agama yang menyeluruh turut mengiktiraf hubungan antara Muslim dan non-Muslim, sekali gus menjadikan dakwah kepada golongan ini sebagai suatu keperluan penting dalam penyebaran ajaran Islam. Namun demikian, pelaksanaan dakwah sering terhalang oleh pelbagai kekangan, merangkumi ketidaksesuaian pendekatan penyampaian akibat perbezaan budaya dan persepsi negatif terhadap Islam, kekurangan latihan berfokus, serta kelemahan dalam persiapan personaliti pendakwah seperti kemahiran komunikasi, empati, dan kestabilan emosi. Di samping itu, ketiadaan garis panduan yang menyeluruh menyebabkan pelaksanaan dakwah berlaku secara tidak seragam antara organisasi serta dipengaruhi oleh faktor sosio-politik yang kompleks, termasuk isu politik dan perkauman, yang berpotensi menjejaskan keharmonian antara agama. Kekurangan penguasaan ilmu, termasuk pengetahuan terhadap agama lain, turut menyumbang kepada keterbatasan keberkesanan dakwah kepada non-Muslim. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan satu garis panduan pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim sebagai asas empirikal bagi kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR). Menggunakan pendekatan kualitatif, analisis keperluan dilaksanakan melalui temu bual kumpulan fokus bersama sepuluh orang pelaksana dakwah. Data dianalisis secara tematik bagi mencerakin permasalahan, cabaran, dan keperluan sebenar di lapangan. Dapatan kajian mendedahkan bahawa permasalahan utama berakar daripada aspek dalaman pendakwah termasuk pendekatan penyampaian, persediaan diri, kestabilan emosi, dan penguasaan ilmu serta cabaran luaran seperti penerimaan sasaran, isu politik dan perkauman, serta faktor keselamatan. Majoriti informan memperakui keperluan mendesak terhadap pembangunan garis panduan yang komprehensif dan kontekstual. Kesimpulannya, kajian ini memberikan justifikasi empirikal yang kukuh untuk pembangunan garis panduan dakwah yang merangkumi aspek kompetensi pendakwah, strategi gerak kerja, tatakelola, serta mekanisme pemantauan dan penilaian, sekali gus menjadi asas kritikal bagi fasa seterusnya dalam mereka bentuk dan membangunkan instrumen dakwah yang dicadangkan. Secara umumnya, kajian ini menegaskan bahawa pembangunan garis panduan dakwah yang sistematik dan kontekstual amat penting bagi memastikan pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim di Malaysia dapat

dilaksanakan secara lebih tersusun, berkesan, dan selaras dengan keharmonian masyarakat majmuk.

Kata Kunci: Dakwah kepada non-Muslim; garis panduan dakwah; masyarakat majmuk; kompetensi pendakwah; Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR); Malaysia

ABSTRACT

Dakwah to non-Muslims within the framework of Malaysia's plural society requires an approach that is wise, systematic, and responsive to contemporary realities. Islam, as a comprehensive way of life, recognises the relationship between Muslims and non-Muslims, thus making dakwah to this group an essential aspect of Islamic propagation. However, the implementation of dakwah is often hindered by various constraints, including inappropriate delivery approaches due to cultural differences and negative perceptions of Islam, lack of focused training, as well as weaknesses in the personal preparation of dakwah practitioners such as communication skills, empathy, and emotional stability. In addition, the absence of a comprehensive guideline has resulted in inconsistent practices across organisations, further influenced by complex socio-political dynamics, including issues of politics and ethnicity, which may affect interreligious harmony. Limited mastery of knowledge, including understanding of other religions, also contributes to the reduced effectiveness of dakwah to non-Muslims. Therefore, this study aims to identify the need for developing a dakwah implementation guideline for non-Muslims as an empirical foundation within the Design and Development Research (DDR) framework. Employing a qualitative approach, the needs analysis was conducted through focus group discussions involving ten da'wah practitioners. The data were analysed thematically to explore the actual issues, challenges, and needs in the field. The findings reveal that the primary problems stem from internal aspects of the dakwah practitioners such as delivery approach, self-preparation, emotional stability, and knowledge mastery as well as external challenges including target audience acceptance, political and racial issues, and safety concerns. Most informants acknowledged the urgent need for a comprehensive and contextual guideline. In conclusion, this study provides strong empirical justification for the development of a dakwah guideline encompassing practitioner competencies, strategic implementation, governance, and monitoring and evaluation mechanisms, serving as a critical foundation for the subsequent phase of designing and developing the proposed dakwah instrument. Overall, this study emphasises that the development of a systematic and contextual dakwah guideline is essential to ensure that dakwah to non-Muslims in Malaysia can be implemented in a more structured, effective, and harmonious manner within a plural society.

Keywords: *Dakwah to non-Muslims; dakwah guidelines; plural society; dakwah practitioner competency; Design and Development Research (DDR); Malaysia.*

PENDAHULUAN

Pelaksanaan dakwah kepada Masyarakat non-Muslim merupakan aspek penting dalam usaha menyampaikan mesej Islam, khususnya dalam konteks Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya dan agama. Walaupun hubungan antara Muslim dan non-Muslim Adalah sebahagian daripada tuntutan asas kehidupan bermasyarakat dalam Islam, realiti semasa menunjukkan bahawa usaha dakwah sering berdepan dengan pelbagai cabaran praktikal yang tidak mudah diatasi. Keberkesanan inisiatif dakwah yang dijalankan oleh pelbagai pihak masih menjadi perdebatan akibat variasi pendekatan, tahap kefahaman sasaran, serta sensitiviti sosio-budaya yang rencam.

Antara permasalahan utama yang dikenal pasti ialah ketidaksediaan sebahagian pendakwah untuk menyesuaikan pendekatan mereka dengan konteks yang lebih sesuai, khususnya melibatkan kefahaman budaya dan komunikasi antara agama. Kekurangan ini bukan Sahaja melemahkan keberkesanan penyampaian mesej, tetapi juga berpotensi menimbulkan salah faham serta persepsi negative terhadap Islam. Selain itu, atribut personaliti dan kemahiran interpersonal pendakwah adalah penentu utama penerimaan sasaran; pendekatan yang bersifat santai, empatik, dan tidak konfrontasional terbukti lebih efektif. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif dan garis panduan yang telah diperkenalkan pelaksanaannya masih bersifat terpisah dan kurang diselaraskan di peringkat nasional. Keadaan ini menyebabkan wujudnya ketidakseragaman dalam amalan dakwah, sekali gus menjejaskan usaha untuk membentuk strategi dakwah negara yang lebih padu dan konsisten.

Kajian-kajian terdahulu turut menekankan keperluan kepada panduan yang menyeluruh serta sesuai dengan konteks masyarakat majmuk. Namun begitu, kajian empirikal yang benar-benar memberi tumpuan kepada pembangunan garis panduan tersebut masih terbatas. Justeru, kajian ini berusaha meneliti cabaran dan keperluan pembinaan garis panduan dakwah kepada non-Muslim berdasarkan pengalaman dan pandangan pelaksana di lapangan.

Dengan menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR), kajian ini berhasrat menghasilkan satu garis panduan yang lebih sistematik, bersepadu dan berpaksikan realiti semasa. Garis panduan ini diharapkan dapat menjadi rujukan praktikal yang mampu meningkatkan keberkesanan dakwah dalam masyarakat majmuk Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan, cabaran serta keperluan pembinaan garis panduan pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim di Malaysia berdasarkan pengalaman dan kefahaman pelaksana dakwah. Dengan menggunakan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (Design and Development Research, DDR), kajian ini berusaha membangunkan satu garis panduan yang sistematik, kontekstual dan berasaskan realiti lapangan bagi menyokong pelaksanaan dakwah yang lebih berkesan dalam masyarakat majmuk.

SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang dakwah kepada non-Muslim menegaskan bahawa usaha ini perlu dijalankan dengan penuh hikmah, beretika serta mengambil kira realiti masyarakat majmuk. Dakwah bukan sekadar menyampaikan ajaran agama, tetapi juga berperanan sebagai medium komunikasi antara agama yang

bertujuan membina persefahaman dan mewujudkan keharmonian sosial (Abdul Salam Muhamad Shukri, 2021; Abdulsalam, 2025). Dalam konteks Malaysia, pendekatan sebegini semakin penting bagi mengelakkan salah faham dan ketegangan antara komuniti Muslim dan non-Muslim. Hal ini memperlihatkan bahawa dakwah tidak hanya bersifat normatif, tetapi turut mempunyai nilai strategik dalam membentuk hubungan sosial yang lebih inklusif. Dengan pendekatan yang berhikmah dan beretika, dakwah mampu menjadi jambatan yang menghubungkan perbezaan budaya dan agama, sekali gus memperkukuh keharmonian dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Sebahagian kajian menekankan pendekatan dakwah berasaskan akhlak, kebajikan dan dialog antara agama sebagai strategi yang lebih mudah diterima oleh masyarakat non-Muslim. Pendekatan ini dianggap berkesan kerana mampu menonjolkan nilai sejagat Islam seperti keadilan, kasih sayang dan kesejahteraan, sekali gus membantu membentuk persepsi positif terhadap agama Islam (Sudin & Osman, 2022; Muhammad Arif Yahya & Muhammad Haikal Mohd Hedzir, 2020).

Dapatan tersebut menunjukkan bahawa dakwah yang berorientasikan nilai sejagat lebih berupaya membina kepercayaan serta mengurangkan jurang persepsi antara agama. Hal ini selari dengan kajian yang menegaskan bahawa pendekatan dakwah yang bersifat inklusif melalui dialog antara agama, penekanan terhadap nilai kemanusiaan, serta penerapan nilai toleransi mampu meningkatkan kefahaman dan memperkukuh hubungan antara penganut agama dalam masyarakat majmuk (Atifah Ahmad Yusoff et al., 2023; Wan Sabri Wan Yusof & Arfah Ab Majid, 2012). Dengan menekankan aspek kemanusiaan dan nilai universal, dakwah dapat diterima dalam suasana masyarakat majmuk tanpa menimbulkan rasa terancam atau defensif dalam kalangan non-Muslim.

Namun begitu, cabaran utama yang timbul ialah bagaimana pendekatan ini dapat diselaraskan dengan keperluan organisasi dakwah yang berbeza-beza. Tanpa keseragaman, mesej Islam berisiko disampaikan secara tidak konsisten dan bercanggah antara satu sama lain. Oleh itu, usaha penyelarasan strategi dakwah amat penting agar nilai sejagat Islam dapat dipromosikan secara lebih sistematik dan bersepadu. Selain itu, kecekapan silang budaya dalam kalangan pendakwah turut dianggap sebagai aspek penting bagi memastikan mesej dakwah disampaikan tanpa menyinggung sensitiviti sasaran (Ibrahim & Riyadi, 2023; Mohd Roslan Mohd Nor, 2014). Dalam masyarakat majmuk, kemampuan pendakwah memahami latar belakang budaya serta psikologi audien menjadi faktor utama yang menentukan keberkesanan dakwah.

Namun begitu, realiti dakwah di Malaysia berdepan dengan cabaran tersendiri, antaranya salah faham terhadap Islam, stereotaip negatif, serta pengaruh isu politik dan perkauman. Persepsi yang mengaitkan Islam dengan identiti etnik tertentu atau ekstremisme sering kali menjadi penghalang kepada penerimaan mesej dakwah (Khairul Azhar Meerangani, 2019; Mat Johar et al., 2021). Keadaan ini memperlihatkan bahawa cabaran dakwah bukan hanya berkisar pada aspek komunikasi semata-mata, tetapi turut melibatkan persepsi masyarakat yang dibentuk oleh faktor sosio-politik. Oleh itu, usaha dakwah memerlukan pendekatan yang lebih berhati-hati, berstrategi dan kontekstual agar mesej Islam dapat diterima dengan lebih terbuka dalam masyarakat majmuk.

Dalam literatur sedia ada, terdapat jurang yang ketara kerana kebanyakan kajian lebih bersifat deskriptif dan konseptual, tanpa menterjemahkan prinsip dakwah kepada panduan operasi yang praktikal (Abdul Ghafar Don & Hailan Salamon, 2011). Pelaksanaan dakwah yang bergantung kepada pendekatan organisasi yang berbeza-beza sering kali menghasilkan mesej yang tidak konsisten (Mat Johar et al., 2021; Khairul Azhar Meerangani, 2019). Dari sudut metodologi, masih kurang kajian yang mengintegrasikan pandangan pakar akademik, pengamal dakwah dan institusi berkaitan secara berstruktur, sekali gus membataskan usaha membangunkan garis panduan yang benar-benar berasaskan keperluan lapangan. Ketiadaan pendekatan kolaboratif ini membataskan usaha membangunkan panduan dakwah yang benar-benar berasaskan keperluan sebenar dan realistik dalam konteks Malaysia (Sudin & Osman, 2022).

Selain itu, kebanyakan kajian tidak menggunakan pendekatan penyelidikan yang berorientasikan pembangunan produk. Fokus kajian lebih tertumpu kepada analisis isu dan fenomena dakwah, berbanding pembangunan artefak seperti garis panduan, model atau modul yang boleh diuji dan disahkan keberkesannya (Abdul Salam Muhamad Shukri, 2022). Jurang yang wujud dalam kajian terdahulu memperlihatkan keperluan kepada satu pendekatan penyelidikan yang bukan sahaja meneliti permasalahan dakwah kepada non-Muslim, tetapi juga menghasilkan penyelesaian yang bersifat praktikal serta sesuai dengan konteks masyarakat. Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) dilihat paling relevan kerana ia membolehkan keperluan pelaksana dakwah dikenal pasti, seterusnya direka bentuk dan dinilai secara sistematik.

Sehubungan itu, kajian ini dirangka untuk membangunkan garis panduan pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim yang berasaskan dapatan empirikal, pandangan pakar, serta realiti masyarakat majmuk di Malaysia. Melalui pendekatan *Design and Development Research* (DDR), garis panduan yang dihasilkan bukan sahaja lebih tersusun dan sahih, tetapi juga mempunyai nilai praktikal yang tinggi untuk diaplikasikan oleh pelaksana dakwah secara konsisten. Pendekatan DDR merupakan satu kaedah penyelidikan yang sistematik yang menggabungkan proses analisis keperluan, reka bentuk, pembangunan, dan penilaian bagi menghasilkan sesuatu produk atau model yang berfungsi secara efektif dalam konteks sebenar (Richey & Klein, 2007; Richey, Klein, & Nelson, 2004). Dengan cara ini, kajian semasa diharapkan dapat mengisi kelompangan dalam literatur sedia ada, sekali gus menyumbang kepada pembangunan panduan dakwah yang lebih bersepadu dan berkesan dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR) seperti yang dicadangkan oleh Richey dan Klein, (2007) yang menekankan proses pembangunan produk secara sistematik dan berfasa. Pendekatan ini sesuai dengan objektif kajian yang bertujuan membangunkan satu garis panduan pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim di Malaysia berasaskan keperluan sebenar lapangan dan kesepakatan pakar. DDR dipilih kerana ia bukan sahaja menekankan analisis masalah, tetapi juga menghasilkan artefak praktikal yang boleh diuji dan dinilai keberkesannya.

Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan melalui tiga fasa utama, iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, serta penilaian kebolehgunaan. Fasa analisis keperluan dilaksanakan bagi mengenal pasti isu, cabaran dan keperluan sebenar dalam pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim, selaras dengan pendekatan DDR yang menekankan kepentingan dapatan empirikal sebagai asas pembangunan produk (Richey & Klein, 2007). Dapatan daripada fasa ini menjadi asas empirikal yang penting kerana ia memastikan garis panduan yang dibangunkan benar-benar berpijak pada realiti lapangan. Seterusnya,

fasa reka bentuk dan pembangunan memberi fokus kepada penentuan komponen serta elemen garis panduan. Proses ini dilaksanakan melalui kesepakatan pakar dengan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM), yang membolehkan pandangan pakar disusun secara sistematik dan terkawal (Ishikawa et al., 1993; Hsu & Yang, 2000). Pendekatan ini memastikan garis panduan yang dihasilkan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi serta menepati keperluan praktikal di lapangan. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pakar menilai dan menyusun keutamaan secara sistematik, sekali gus mengurangkan bias individu melalui proses konsensus berstruktur (Hsu & Sandford, 2007). Proses ini memastikan garis panduan yang dibangunkan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi serta kebolehpercayaan yang kukuh dalam konteks penggunaannya.

Fasa akhir pula menilai kebolegunaan garis panduan yang dibangunkan melalui Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (*Modified Nominal Group Technique*, NGT), melibatkan pelaksana sebenar sebagai pengguna sasaran. Kaedah NGT merupakan teknik berstruktur yang digunakan untuk mendapatkan konsensus kumpulan secara sistematik melalui perbincangan dan penilaian idea secara terkawal (Delbecq et al., 1975; Harvey & Holmes, 2012). Penilaian kebolegunaan ini penting kerana ia menguji sejauh mana garis panduan dapat diaplikasikan dalam konteks sebenar dakwah, di samping menilai aspek kefungsi dan kesesuaian penggunaannya. Dengan melibatkan pengamal dakwah sebagai pengguna sebenar, kajian ini meningkatkan kesahan ekologi kerana dapatan diperoleh secara langsung daripada pengalaman praktikal dalam situasi sebenar (Shadish et al., 2002).

Reka bentuk kajian berfasa ini memastikan kesepadanan antara objektif, kaedah dan hasil kajian, di samping meningkatkan kesahan dalaman dan luaran dapatan (Richey & Klein, 2007). Penggunaan kaedah triangulasi fasa yang melibatkan pendekatan kualitatif, pakar dan pengamal turut mengukuhkan ketekalan serta kebolehpercayaan keseluruhan proses penyelidikan melalui pengesahan silang daripada pelbagai sumber data dan perspektif (Denzin, 1978; Creswell & Plano Clark, 2018). Hal ini menjadikan DDR sebagai pendekatan yang sesuai untuk menghasilkan garis panduan dakwah yang sah, praktikal dan boleh diguna pakai secara konsisten dalam konteks sebenar.

Fasa	Kaedah
Fasa 1: Analisis Keperluan	Temu bual
Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan	Kajian Literatur dan Kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)
Fasa 3: Penilaian Kebolegunaan	Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (<i>Modified NGT</i>)

Jadual 1: Kajian Berdasarkan Pendekatan DDR

Peserta Kajian

Pemilihan peserta kajian dibuat secara persampelan bertujuan, selaras dengan keperluan setiap fasa penyelidikan. Dalam fasa analisis keperluan, seramai sepuluh informan terlibat, terdiri daripada lima wakil agensi atau NGO dakwah dan lima orang sukarelawan dakwah. Pemilihan ini bertujuan memastikan wujudnya kepelbagaian perspektif daripada pengamal lapangan yang terlibat secara langsung dalam usaha dakwah kepada non-Muslim.

Bagi fasa reka bentuk dan pembangunan, enam orang pakar dipilih berdasarkan kepakaran, pengalaman serta penglibatan mereka dalam bidang berkaitan seperti dakwah, antropologi, sosiologi, undang-undang dan interfaith. Jumlah ini dianggap memadai dan menepati cadangan literatur Fuzzy

Delphi yang menekankan kualiti kepakaran berbanding kuantiti, khususnya apabila tahap kesepakatan pakar berada pada tahap tinggi.

Fasa penilaian kebolegunaan pula melibatkan lapan orang pengamal dakwah yang berperanan sebagai pengguna sasaran garis panduan. Penglibatan pengamal sebenar dalam penilaian ini meningkatkan kesahan ekologi kajian kerana dapatan kebolegunaan diperoleh terus daripada konteks aplikasi sebenar produk yang dibangunkan. Selain itu, pemilihan peserta secara purposif membolehkan kajian menumpukan kepada individu yang benar-benar relevan dengan konteks dakwah kepada non-Muslim. Pendekatan ini penting kerana ia memastikan data yang diperoleh lebih mendalam, kontekstual dan sejajar dengan objektif kajian.

Secara keseluruhan, strategi pemilihan peserta ini mewujudkan keseimbangan antara perspektif lapangan, kepakaran akademik dan pengalaman praktikal. Gabungan tersebut meningkatkan kesahan serta kebolehpercayaan dapatan, sekali gus menjadikan garis panduan yang dibangunkan lebih komprehensif dan realistik untuk diaplikasikan.

Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dirangka secara sistematik mengikut keperluan setiap fasa kajian. Bagi fasa analisis keperluan, data diperoleh melalui temu bual separa berstruktur yang membolehkan penerokaan mendalam terhadap pengalaman, cabaran dan keperluan informan dalam pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim. Pendekatan ini selaras dengan kaedah kualitatif yang menekankan pemahaman konteks dan makna secara holistik (Creswell, 2014; Merriam, 2009). Temu bual tersebut dirakam, ditranskripsi secara verbatim dan dianalisis secara sistematik menggunakan pendekatan analisis tematik bagi memastikan ketepatan serta kesahan maklumat yang diperoleh (Braun & Clarke, 2006). Proses ini penting bagi memastikan dapatan yang dihasilkan benar-benar mencerminkan realiti lapangan.

Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan, pengumpulan data dilaksanakan melalui sesi perbincangan meja bulat dan bengkel bersemuka bersama pakar dengan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Kaedah ini membolehkan pakar menilai, mengesahkan dan menyusun keutamaan komponen serta elemen garis panduan secara berperingkat dan berstruktur (Ishikawa et al., 1993; Hsu & Yang, 2000). Penggunaan FDM turut membantu mengawal proses penilaian agar lebih sistematik serta mengurangkan pengaruh bias individu melalui pembentukan konsensus pakar (Hsu & Sandford, 2007). Pendekatan ini memastikan garis panduan yang dibangunkan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi serta menepati keperluan praktikal dalam konteks sebenar dakwah.

Bagi fasa penilaian kebolegunaan, data diperoleh melalui Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai (*Modified Nominal Group Technique*, NGT) yang dilaksanakan dalam sesi perbengkelan bersama pengamal dakwah sebagai pengguna sasaran. Kaedah ini merupakan teknik berstruktur yang membolehkan setiap peserta menyumbang pandangan secara seimbang dan sistematik dalam proses membuat keputusan (Delbecq et al., 1975; Harvey & Holmes, 2012). Penggunaan pelbagai kaedah pengumpulan data merentas fasa kajian turut membolehkan triangulasi sumber dilakukan, sekali gus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan melalui pengesahan silang daripada pelbagai perspektif iaitu informan lapangan, pakar akademik dan pengamal dakwah (Denzin, 1978; Creswell & Plano Clark, 2018). Secara keseluruhan, strategi pengumpulan data yang pelbagai ini memastikan kajian dapat menangkap realiti dakwah secara menyeluruh serta menghasilkan garis panduan yang benar-benar berasaskan keperluan sebenar lapangan.


Analisis Data

Analisis data fasa analisis keperluan dijalankan menggunakan analisis tematik berbantuan perisian ATLAS.ti (v9). Data temu bual ditanda kod, dikategorikan dan dibangunkan menjadi tema utama secara sistematik. Bagi memastikan kebolehpercayaan analisis, tema yang dibangunkan disemak oleh tiga orang pakar dan dianalisis menggunakan Indeks Persetujuan Cohen Kappa, yang menunjukkan tahap persetujuan sederhana dan boleh diterima.


Dalam fasa reka bentuk dan pembangunan, analisis data dijalankan menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi yang melibatkan pengiraan nilai threshold (d), skor fuzzy serta tahap kesepakatan pakar. Kaedah ini digunakan untuk menentukan penerimaan dan keutamaan setiap elemen garis panduan. Pendekatan

berasaskan kuantifikasi konsensus ini membantu meningkatkan ketepatan keputusan serta mengurangkan unsur subjektiviti dalam proses pembangunan produk. Bagi fasa penilaian kebolegunaan, analisis data dilakukan melalui pengiraan skor undian menggunakan kaedah *Nominal Group Technique* (NGT). Skor tersebut kemudiannya ditukarkan kepada peraturan penilaian yang dirangka berdasarkan kriteria kebolegunaan yang telah digariskan dalam literatur. Gabungan analisis kualitatif dan kuantitatif merentas fasa kajian ini memperkukuh kebolehpercayaan, kesahan dan ketekalan dapatan, selaras dengan tuntutan metodologi kajian DDR dalam konteks penerbitan jurnal.

Selain itu, penggunaan analisis berlapis ini membolehkan triangulasi metodologi dilakukan. Hal ini memastikan dapatan kajian lebih sahih kerana ia disokong oleh pelbagai kaedah analisis yang saling melengkapi. Secara keseluruhan, strategi analisis data yang digunakan dalam kajian ini memastikan dapatan yang diperoleh bukan sahaja sahih dan boleh dipercayai, tetapi juga relevan dengan keperluan praktikal dakwah kepada non-Muslim di Malaysia.



Rajah 1: Analisis Dapatan Permasalahan bagi *Focus Group Discussion 1*



Rajah 2: Analisis Dapatan Permasalahan bagi *Focus Group Discussion 2*

DAPATAN ANALISIS KEPERLUAN PELAKSANAAN DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM DI MALAYSIA

Berdasarkan analisis temu bual separa berstruktur melibatkan aktivis NGO dakwah dan sukarelawan dakwah, beberapa tema utama telah dikenal pasti berkaitan permasalahan dan keperluan pelaksanaan dakwah kepada golongan non-Muslim di Malaysia. Dapatan ini menjelaskan bahawa cabaran dakwah bukan sahaja berpunca daripada faktor sasaran (*mad'u*), tetapi turut melibatkan aspek pendakwah (*da'ie*), pendekatan penyampaian, struktur organisasi, serta sokongan sistemik terhadap gerak kerja dakwah.

Cabaran Pendekatan Penyampaian Dakwah

Analisis menunjukkan bahawa pendekatan penyampaian dakwah masih menjadi isu kritikal dalam usaha mendekati non-Muslim. Sebahagian pendakwah didapati menggunakan gaya penyampaian yang terlalu ekstrem, seperti menyalahkan atau menghakimi, yang akhirnya menimbulkan persepsi negatif terhadap Islam. Hal ini ditegaskan oleh informan daripada HIDAYAH Centre Foundation yang menyatakan bahawa “adanya minta maaf seperti ekstremisme sedikit dari hal cara kita menyampaikan” (FGD1-HCF). Dapatan ini selari dengan kajian yang menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang bersifat konfrontasi dan tidak sensitif terhadap latar belakang sasaran boleh menjejaskan penerimaan mesej Islam serta meningkatkan salah faham dalam kalangan non-Muslim (Abdullah & Yusoff, 2015; Rahman, 2017). Pendekatan sebegini bukan sahaja menjejaskan keberkesanan dakwah, malah boleh menimbulkan ketegangan antara agama.

Selain itu, cabaran turut datang daripada pihak luar yang menentang usaha dakwah secara terbuka. Informan daripada Global Unity Network menjelaskan bahawa terdapat gerakan yang berusaha “memurtadkan balik orang Islam” (FGD1-GUN). Situasi ini memperlihatkan bahawa cabaran dakwah bukan sahaja berpunca daripada kelemahan dalaman pendakwah, tetapi juga daripada tentangan luaran yang bersifat ekstrem. Oleh itu, pendekatan dakwah yang moderat, berhikmah, dan empatik perlu diberi penekanan (Masitoh & Hashim, 2010; Meerangani, 2020). Oleh itu, pendekatan dakwah yang moderat, berhikmah dan empatik perlu diberi penekanan bagi mengelakkan konflik serta meningkatkan penerimaan sasaran.

Tambahan pula, pendekatan dakwah yang terlalu keras boleh menimbulkan salah faham bahawa Islam adalah agama yang tidak toleran. Sehubungan itu, kajian menunjukkan bahawa penggunaan komunikasi

berhemah, bahasa yang mesra serta pendekatan berasaskan dialog dan nilai kemanusiaan mampu meningkatkan kefahaman serta membina hubungan positif antara penganut agama yang berbeza (Yusof & Majid, 2012; Osman, 2016). Oleh itu, garis panduan dakwah perlu menekankan penggunaan strategi komunikasi yang sensitif budaya dan menghormati kepercayaan pihak lain. Pendakwah juga perlu dilatih untuk menghadapi tentangan luaran secara profesional tanpa menimbulkan konflik, agar dakwah dapat diterima dengan lebih harmoni dalam masyarakat majmuk.

Cabaran Kekurangan Kreativiti dan Kepekaan Konteks dalam Pendekatan Dakwah

Kajian ini juga mendapati bahawa pendekatan dakwah yang kurang kreatif dan tidak mengambil kira konteks setempat menjadi antara cabaran utama dalam usaha menarik minat golongan non-Muslim. Ramai pendakwah masih bergantung kepada kaedah tradisional yang kurang sesuai dengan realiti masyarakat majmuk serta sensitiviti budaya, khususnya di kawasan pedalaman dan negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik dan agama yang tinggi.

Informan menegaskan bahawa dakwah yang disampaikan secara terus dan terbuka tanpa mengambil kira sensitiviti budaya boleh menimbulkan penolakan. Sebaliknya, pendekatan berbentuk kebajikan, pembinaan hubungan sosial, serta penggunaan bahasa dan medium yang mesra budaya didapati lebih berkesan dalam membina kepercayaan awal. Dapatan ini menunjukkan bahawa permasalahan dakwah bukan terletak pada kandungan Islam itu sendiri, tetapi pada cara penyampaian yang kurang kreatif dan tidak disesuaikan dengan konteks sasaran.

Oleh itu, garis panduan dakwah perlu menekankan kepentingan kreativiti dan kepekaan budaya dalam penyampaian mesej. Pendekatan seperti aktiviti kebajikan, penggunaan media sosial, serta dialog terbuka antara agama boleh dijadikan strategi utama untuk membina persefahaman. Dengan cara ini, dakwah bukan sahaja lebih menarik dan mudah difahami, tetapi juga lebih relevan dengan realiti masyarakat majmuk Malaysia.

Cabaran Penyampaian Dakwah yang Tidak Fokus kepada Keutamaan Mesej

Dapatan analisis menunjukkan bahawa penyampaian dakwah kepada non-Muslim sering kali kurang menekankan aspek keutamaan, khususnya perkara asas seperti tauhid. Sebaliknya, perbincangan lebih banyak tertumpu kepada isu-isu cabang seperti hukum berpakaian, sensitiviti gender dan perbahasan fiqh yang kompleks, sehingga mesej utama dakwah menjadi kabur.

Keadaan ini bukan sahaja berpunca daripada pendekatan pendakwah, tetapi turut dipengaruhi oleh tekanan dalaman daripada masyarakat Muslim sendiri yang kurang memahami prinsip keutamaan dalam dakwah. Akibatnya, mesej Islam disampaikan secara tidak tersusun dan sukar difahami oleh non-Muslim, lalu menimbulkan salah faham serta persepsi negatif terhadap agama.

Oleh itu, strategi dakwah yang lebih sistematik dan berfokus amat diperlukan. Pendakwah perlu memberi penekanan kepada asas tauhid sebagai mesej utama sebelum memperkenalkan aspek cabang agama. Dengan pendekatan berperingkat, mesej Islam dapat difahami secara menyeluruh tanpa menimbulkan kekeliruan dalam kalangan non-Muslim.

Cabaran Ketiadaan Kesepakatan dan Penyelarasan dalam Kalangan Organisasi Dakwah

Kajian ini mendapati bahawa kurangnya kesepakatan dalam kalangan NGO dan jamaah dakwah merupakan salah satu cabaran dalaman yang besar. Perbezaan pendekatan, gaya penyampaian dan keutamaan antara organisasi menyebabkan usaha dakwah sering dijalankan secara terpisah dan tidak bersepadu. Keadaan ini bukan sahaja melemahkan kekuatan kolektif dakwah, malah berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan non-Muslim mengenai imej dan mesej Islam yang sebenar.

Para informan menekankan pentingnya semangat berjamaah dan prinsip syura dalam menyelaraskan gerak kerja dakwah. Dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah bergantung kepada kerjasama antara organisasi, bukannya persaingan, agar perbezaan pendekatan dapat saling melengkapi dan memperkukuh usaha dakwah secara menyeluruh.

Implikasi daripada dapatan ini ialah garis panduan dakwah perlu menyediakan mekanisme kolaborasi strategik antara NGO, membina platform bersama untuk perkongsian sumber, serta mengelakkan persaingan yang tidak sihat. Dengan adanya kesepakatan, usaha dakwah dapat dijalankan dengan lebih sistematik, konsisten dan bersepadu, sekali gus meningkatkan keberkesanan dalam konteks masyarakat majmuk

Cabaran Kekurangan Persediaan Diri, Ketahanan Emosi dan Ilmu Pendakwah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendakwah sering berdepan tekanan emosi dan psikologi yang tinggi, khususnya apabila sasaran dakwah menolak Islam atau kembali kepada agama asal. Situasi sebegini kerap menimbulkan rasa kecewa, hilang motivasi dan keletihan emosi dalam kalangan pendakwah. Tekanan tersebut menjadi lebih ketara apabila mereka turut berhadapan dengan konflik dalaman organisasi serta perbezaan pandangan sesama ahli. Selain itu, kelemahan dalam penguasaan ilmu asas Islam dan ilmu perbandingan agama turut dikenal pasti sebagai antara permasalahan utama. Pendakwah yang tidak memiliki asas ilmu yang kukuh berisiko menyampaikan mesej secara kurang tepat dan tidak berhikmah, sekali gus menjejaskan kefahaman sasaran.

Oleh itu, persediaan pendakwah perlu merangkumi aspek ilmu, emosi, psikologi dan rohani. Latihan yang sistematik, sokongan kaunseling serta pengukuhan spiritual amat penting bagi memastikan pendakwah lebih bersedia menghadapi cabaran dakwah. Dengan persediaan yang mantap, usaha dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berdaya tahan Cabaran Kekurangan Sumber Panduan, Latihan, Dana dan Sokongan Sistemik

Analisis dapatan turut menunjukkan ketiadaan modul atau garis panduan khusus dakwah kepada non-Muslim sebagai satu keperluan mendesak. Kekurangan sumber rujukan menyebabkan pendekatan dakwah dilaksanakan secara tidak konsisten dan bergantung kepada pengalaman individu pendakwah semata-mata.

Selain itu, kekurangan latihan sistematik terhadap sukarelawan dakwah menyebabkan mereka kurang bersedia dari segi komunikasi, sensitiviti budaya dan kawalan emosi. Kekangan dana dan kekurangan tenaga sukarelawan turut dikenal pasti sebagai faktor yang mengehadkan pelaksanaan dakwah, terutamanya di kawasan pedalaman yang memerlukan kos logistik yang tinggi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah bukan sahaja bergantung kepada komitmen pendakwah, tetapi juga kepada sokongan struktur, kewangan dan latihan yang mencukupi. Oleh itu, garis panduan dakwah perlu menyediakan modul khusus, latihan sistematik, serta mekanisme sokongan dana dan sumber manusia agar dakwah dapat dilaksanakan secara konsisten dan berkesan.

PERBINCANGAN

Pendekatan Dakwah: Keperluan Moderasi dan Hikmah

Dapatan kajian menegaskan bahawa pendekatan dakwah yang ekstrem menimbulkan persepsi negatif terhadap Islam. Hal ini selari dengan kajian Masitoh dan Hashim (2010) yang menekankan kepentingan dakwah berasaskan kebijaksanaan dan kebebasan beragama. Namun, kajian ini memperluas literatur dengan menunjukkan bahawa ekstremisme berlaku bukan sahaja daripada pendakwah, tetapi juga daripada pihak luar yang menentang dakwah secara terbuka. Situasi ini memperlihatkan bahawa cabaran dakwah bersifat dua hala, iaitu kelemahan dalaman dan tentangan luaran, yang menuntut strategi lebih berhikmah dan empatik.

Selain itu, pendekatan dakwah yang terlalu keras atau bersifat menghakimi berisiko menimbulkan salah faham bahawa Islam ialah agama yang tidak toleran. Hal ini jelas bertentangan dengan prinsip “tiada paksaan dalam agama” yang menjadi asas hubungan antara Muslim dan non-Muslim. Kajian Meerangani (2020) turut menegaskan bahawa pendekatan dakwah yang mengabaikan sensitiviti budaya serta sejarah masyarakat majmuk sering gagal kerana dianggap tidak relevan. Oleh itu, garis panduan dakwah perlu memberi penekanan kepada sikap moderasi, empati dan komunikasi yang berhemah agar mesej Islam dapat disampaikan dengan lebih harmoni serta diterima secara positif dalam masyarakat

majmuk.

Implikasi praktikal daripada dapatan ini ialah keperluan membangunkan modul latihan dakwah yang menekankan penggunaan bahasa yang mesra, strategi komunikasi interaktif, serta pendekatan yang menghormati kepercayaan pihak lain. Pendakwah juga perlu dilatih untuk menghadapi tentangan luaran secara profesional tanpa menimbulkan konflik. Dengan itu, garis panduan dakwah yang dibangunkan bukan sahaja berfungsi sebagai panduan teknikal, tetapi juga sebagai mekanisme membina hubungan antara agama yang lebih inklusif dan berkesan.

Kelemahan Kreativiti dan Kegagalan Memberi Fokus Dakwah

Kajian ini mendapati bahawa kelemahan kreativiti dan kegagalan memberi fokus kepada topik utama menjadi faktor penghalang keberkesanan dakwah. Hal ini berbeza dengan penekanan Abdul Karim Zaidan (2001) yang menekankan komunikasi sistematik, dan Hashim et al. (2025) yang menekankan kreativiti dalam dakwah multikultural. Sumbangan kajian ini ialah memperlihatkan bahawa kreativiti mesti digabungkan dengan fokus kepada tauhid sebagai asas dakwah.

Pendekatan dakwah yang kreatif bukan bermaksud mengubah kandungan agama, tetapi menyesuaikan cara penyampaian agar lebih relevan dengan konteks masyarakat majmuk. Penggunaan kisah teladan, aktiviti kebajikan, media sosial dan dialog terbuka merupakan antara strategi kreatif yang berpotensi mengurangkan jurang persepsi antara Muslim dan non-Muslim. Namun begitu, kreativiti semata-mata tidak mencukupi sekiranya mesej dakwah tidak berpusat kepada asas tauhid. Kajian ini mendapati bahawa pendakwah sering teralih kepada isu-isu cabang seperti hukum berpakaian atau poligami, sedangkan matlamat utama dakwah ialah memperkenalkan asas keimanan sebagai teras ajaran Islam. Implikasi praktikalnya ialah garis panduan dakwah perlu menyediakan modul latihan yang menekankan penggunaan bahasa mudah, kisah teladan, dan aktiviti kebajikan sebagai medium dakwah. Modul ini juga perlu menekankan strategi komunikasi yang fokus dan relevan dengan sensitiviti budaya. Hal demikian, dakwah bukan sahaja lebih menarik dan mudah difahami, tetapi juga lebih berkesan dalam menyampaikan mesej utama Islam.

Kesepakatan Jamaah Dakwah

Kurangnya kesepakatan dalam kalangan NGO dakwah menjejaskan keberkesanan dakwah. Kajian ini mengesahkan pandangan Mohd Nor et al. (2019) tentang kepentingan syura, tetapi menambah dimensi baharu dengan menekankan bahawa persaingan dalaman boleh menimbulkan kekeliruan kepada non-Muslim.

Dalam banyak keadaan, perbezaan pendekatan antara NGO menyebabkan mesej dakwah tidak konsisten. Ada yang menekankan aspek hukum, manakala yang lain lebih menekankan pendekatan kebajikan. Situasi ini boleh menimbulkan persepsi bahawa Islam terbahagi kepada pelbagai aliran yang berbeza. Hal ini bukan sahaja melemahkan koordinasi dakwah, tetapi juga menjejaskan imej Islam di mata non-Muslim. Oleh itu, prinsip syura dan semangat berjemaah perlu dijadikan asas dalam membangunkan garis panduan dakwah.

Implikasi praktikalnya ialah garis panduan dakwah perlu menekankan kolaborasi strategik antara NGO, membina platform bersama untuk perkongsian sumber, dan mengelakkan persaingan tidak sihat. Dengan adanya kesepakatan, dakwah dapat dijalankan secara lebih sistematik, konsisten, dan bersepadu. Hal ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan dakwah, tetapi juga membina imej Islam yang lebih harmoni dan inklusif.

Persediaan Diri dan Tekanan Emosi Pendakwah

Kajian ini menyoroti keperluan persediaan diri pendakwah dari segi kesabaran, ketahanan emosi, dan kesiapsiagaan psikologi. Dapatan ini mengesahkan kajian Ismail dan Ahmad (2022) tentang daya tahan emosi, serta memperkukuh konsep “da’wah fatigue” (Rahman et al., 2021).

Pendakwah sering berdepan dengan penolakan dakwah, salah faham budaya, dan isu sensitif seperti penukaran nama atau poligami. Situasi ini boleh menimbulkan tekanan emosi dan psikologi yang mendalam, termasuk rasa kecewa, hilang motivasi, dan putus asa. Kajian ini memperincikan bentuk tekanan emosi yang dialami pendakwah, sekali gus memperkayakan literatur tentang cabaran psikologi dalam dakwah.

Implikasi praktikal daripada kajian ini menunjukkan bahawa garis panduan dakwah perlu turut menyediakan sokongan psikologi dan spiritual kepada para pendakwah. Bentuk sokongan tersebut boleh merangkumi khidmat kaunseling, latihan pengurusan emosi, serta pengukuhan niat bahawa hidayah sepenuhnya milik Allah SWT. Dengan adanya sokongan yang menyeluruh, pendakwah akan lebih bersedia menghadapi cabaran dakwah, mengekalkan motivasi, dan menyampaikan mesej Islam dengan lebih berkesan serta berterusan.

SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan penting kepada bidang Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) dalam konteks dakwah kepada non-Muslim di Malaysia. Pertama, kajian ini menegaskan bahawa cabaran dakwah bersifat dua hala, iaitu kelemahan dalaman pendakwah sendiri serta tentangan luaran daripada non-Muslim yang menolak atau menentang usaha dakwah. Penemuan ini memperluas literatur sedia ada yang sebelum ini lebih banyak menekankan kelemahan dalaman pendakwah, dengan menambah dimensi baharu berkaitan bentuk tentangan luaran yang lebih sistematik.

Kedua, kajian ini turut memperkaya konsep kreativiti dakwah dengan menekankan bahawa keberkesanan dakwah tidak hanya bergantung kepada penggunaan pendekatan kreatif, tetapi juga kepada penekanan terhadap asas tauhid serta sensitiviti budaya dalam masyarakat majmuk. Hal ini memberikan perspektif baharu bahawa kreativiti perlu digabungkan dengan kejelasan mesej utama agar dakwah lebih berkesan.

Ketiga, kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang kepentingan kesepakatan dalam kalangan NGO dakwah, dengan menegaskan bahawa persaingan dalaman bukan sahaja melemahkan koordinasi tetapi juga menimbulkan kekeliruan kepada non-Muslim mengenai imej Islam. Akhir sekali, kajian ini mengukuhkan konsep “da’wah fatigue” dengan memperincikan bentuk tekanan emosi dan psikologi yang dialami pendakwah, termasuk penolakan dakwah, salah faham budaya, dan isu sensitif seperti penukaran nama atau poligami. Dengan itu, kajian ini bukan sahaja mengesahkan dapatan terdahulu, tetapi turut memperkayakan pengetahuan dengan dimensi kontekstual yang lebih mendalam, sekali gus menyediakan asas praktikal bagi pembangunan garis panduan dakwah yang lebih sistematik, inklusif, dan berkesan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti keperluan pembangunan garis panduan pelaksanaan dakwah kepada non-Muslim di Malaysia sebagai asas kepada kajian reka bentuk dan pembangunan. Dapatan analisis keperluan menunjukkan bahawa pelaksana dakwah berhadapan dengan pelbagai permasalahan dan cabaran, sama ada dari aspek dalaman pendakwah seperti pendekatan penyampaian, persediaan diri, kestabilan emosi dan penguasaan ilmu, mahupun dari aspek luaran seperti penerimaan masyarakat, isu politik dan perkauman serta faktor keselamatan. Selain itu, majoriti informan bersetuju bahawa wujud keperluan mendesak terhadap satu garis panduan dakwah yang jelas, sistematik dan bersesuaian dengan konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

Dari sudut implikasi teori, kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur dakwah dengan menyediakan bukti empirikal berkaitan keperluan dakwah kepada non-Muslim serta mengintegrasikan pendekatan dakwah dengan kerangka reka bentuk dan pembangunan. Kajian ini mengukuhkan hujah bahawa pembangunan model atau garis panduan dakwah perlu berasaskan keperluan sebenar pelaksana dan konteks sasaran, selari dengan prinsip asas DDR.

Dari aspek implikasi praktikal, dapatan kajian ini memberikan panduan awal kepada pihak berautoriti, institusi dakwah dan pelaksana dakwah untuk merangka garis panduan yang merangkumi aspek

pendakwah, gerak kerja dakwah, tatakelola serta pemantauan dan penilaian. Garis panduan yang dibangunkan berpotensi meningkatkan keberkesanan, keselamatan dan keseragaman amalan dakwah kepada non-Muslim.

Seterusnya, dari sudut implikasi penyelidikan, kajian ini membuka ruang kepada kajian lanjutan dalam fasa reka bentuk, pembangunan dan penilaian kebolegunaan garis panduan yang dicadangkan. Kajian masa hadapan boleh menilai keberkesanan pelaksanaan garis panduan ini dalam konteks yang lebih luas serta menguji kebolegunaannya merentas institusi dan latar masyarakat yang berbeza.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don, & Hailan Salamon. (2011). Dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia: Cabaran dan pendekatan. *Jurnal Dakwah Malaysia*, 5(1), 45–58.
- Abdul Salam Muhamad Shukri. (2021). Pendekatan dakwah dalam masyarakat majmuk: Satu analisis kontemporari. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 23–35.
- Abdul Salam Muhamad Shukri. (2022). Keperluan pembangunan garis panduan dakwah kepada non-Muslim di Malaysia. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 6(1), 1–15.
- Abdullah, M. R., & Yusoff, Z. M. (2015). Pendekatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Dakwah Malaysia*, 9(1), 45–60.
- Atifah Ahmad Yusoff, Mohd Roslan Mohd Nor, & Nurul Huda Mohd Razif. (2023). Managing religious tension in Malaysia through socioreligious harmony frameworks. *Afkar: Journal of Aqidah and Islamic Thought*, 25(2), 1–28.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2018). *Designing and conducting mixed methods research* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Delbecq, A. L., Van de Ven, A. H., & Gustafson, D. H. (1975). *Group techniques for program planning: A guide to nominal group and Delphi processes*. Scott, Foresman.
- Denzin, N. K. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Harvey, N., & Holmes, C. A. (2012). Nominal group technique: An effective method for obtaining group consensus. *International Journal of Nursing Practice*, 18(2), 188–194.
- Hsu, C.-C., & Sandford, B. A. (2007). The Delphi technique: Making sense of consensus. *Practical Assessment, Research, and Evaluation*, 12(10), 1–8.
- Hsu, Y.-L., & Yang, C.-H. (2000). The Delphi method and fuzzy Delphi method: A comparative study. *Expert Systems with Applications*, 18(3), 273–280.
- Ibrahim, M., & Riyadi, A. (2023). Cross-cultural competence in Islamic da'wah: Enhancing communication effectiveness in plural societies. *Journal of Islamic Communication*, 8(1), 55–70.
- Ishikawa, A., Amagasa, M., Shiga, T., Tomizawa, G., Tatsuta, R., & Mieno, H. (1993). The max-min Delphi method and fuzzy Delphi method via fuzzy integration. *Fuzzy Sets and Systems*, 55(3), 241–253.

- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Cabaran dakwah kepada non-Muslim dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 11(2), 95–110.
- Masitoh, A., & Hashim, R. (2010). Islamic da'wah in a plural society: Issues and challenges. *Jurnal Hadhari*, 2(1), 23–36.
- Mat Johar, N., et al. (2021). Persepsi masyarakat terhadap dakwah Islam di Malaysia: Satu kajian kontemporari. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 77–90.
- Meerangani, K. A. (2020). Cabaran dakwah dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 67–80.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2014). Dakwah dan hubungan antara agama di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 40(1), 1–20.
- Muhammad Arif Yahya, & Muhammad Haikal Mohd Hedzir. (2020). Pendekatan dakwah berasaskan nilai sejagat dalam masyarakat majmuk. *Jurnal Dakwah Malaysia*, 14(2), 33–50.
- Osman, K. (2016). Komunikasi dakwah dan hubungan antara agama dalam masyarakat majmuk. *Jurnal Komunikasi Islam*, 6(2), 89–104.
- Rahman, N. A. (2017). Challenges in da'wah delivery among non-Muslims in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 11(1), 55–66.
- Rahman, N. A., et al. (2021). Da'wah fatigue among Islamic preachers: Emotional and psychological challenges. *Journal of Islamic Studies*, 15(2), 101–115.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Richey, R. C., Klein, J. D., & Nelson, W. A. (2004). Developmental research: Studies of instructional design and development. In D. H. Jonassen (Ed.), *Handbook of research on educational communications and technology* (2nd ed., pp. 1099–1130). Lawrence Erlbaum Associates.
- Shadish, W. R., Cook, T. D., & Campbell, D. T. (2002). *Experimental and quasi-experimental designs for generalized causal inference*. Houghton Mifflin.
- Sudin, N. S., & Osman, K. (2022). Hubungan antara agama dan pendekatan dakwah dalam masyarakat majmuk. *Jurnal Dakwah Malaysia*, 16(1), 12–28.
- Wan Sabri Wan Yusof, & Arfah Ab Majid. (2012). Inter-religious dialogue models in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), 1–12.